

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN KHOO SOO SEANG

SOALAN : NO. 197

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan secara terperinci mengenai perkembangan projek dan bajet pelaburan ke dalam Massive Open Online Courses (MOOCs) di kalangan universiti-universiti awam apabila sebanyak RM500 juta telah diperuntukkan di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan *Massive Open Online Courses* (MOOCs) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) merupakan inisiatif di bawah Lonjakan ke-9 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) [PPPM(PT)] 2015-2025. Kursus MOOCs ialah kursus dalam talian yang disasarkan untuk penyertaan tidak terhad dan akses terbuka melalui internet. Kursus yang ditawarkan disasarkan kepada pelajar universiti serta masyarakat ramai, tempatan dan antarabangsa. Ini dapat menyediakan sistem penyampaian kursus yang cekap, meningkatkan kecemerlangan universiti awam dalam bidang tujahan dan kepakaran dan seterusnya menjadikan Malaysia sebagai hab perdana pendidikan.

Pelaksanaan MOOCs di Universiti Awam (UA) telah bermula mulai tahun 2014 apabila empat (4) kursus rintis MOOCs iaitu TITAS, Hubungan Etnik, *Introduction to Entrepreneurship* dan ICT Competency telah

ditawarkan kepada pelajar. Jumlah enrolmen bagi kursus MOOCs pada tahun 2014 adalah seramai 54,625 orang. Jumlah kursus MOOCs yang ditawarkan oleh UA telah meningkat kepada 65 kursus yang melibatkan enrolmen sejumlah 119,287 orang pada tahun 2015 manakala pada tahun 2016 pula ia meningkat kepada 219 kursus yang melibatkan 218,806 orang.

KPT telah menyalurkan sejumlah RM3.63 juta kepada UA bagi tujuan pembangunan dan penyampaian kursus MOOCs dari tahun 2014 hingga 2016. Pihak universiti juga pada masa yang sama menggunakan peruntukan sedia ada bagi menampung sebarang perbelanjaan tambahan. Peruntukan yang terhad ini tidak menghalang universiti awam untuk terus membangunkan kursus MOOCs bagi di samping mencapai sasaran yang telah ditetapkan.